



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM 'TRANSFORMING MY CITY' THROUGH GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY

14 JULAI 2012, Kuala Lumpur - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) menganjurkan program '*Transforming My City Through Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*' selama tiga hari bermula 13 Julai 2012 dan akan berakhir pada 15 Julai 2012 bertempat di Bangsar Village 2, Kuala Lumpur pada jam 11.00 pagi hingga jam 8.00 malam.

2. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk:

- i) menghebahkan kepada umum mengenai inisiatif-inisiatif yang giat dijalankan oleh Kerajaan dalam membangunkan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandaraya yang berdaya huni dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 di bawah NKEA Greater KL/KV;
- ii) memberikan peluang kepada rakyat untuk menyelami hasrat kerajaan dengan lebih jelas; dan
- iii) memberikan peluang kepada masyarakat setempat untuk memberikan maklum balas terhadap usaha-usaha yang sedang dilaksanakan tersebut.

3. Penganjuran program ini diharapkan agar masyarakat setempat dapat memahami kepentingan projek-projek di bawah Greater KL/KV kepada ekonomi Negara dan secara tidak langsung kepada kehidupan mereka juga.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

14 JULAI 2012
KUALA LUMPUR